

ISU JENAYAH: TINJAUAN DARI PENDEKATAN PIHAK POLIS DALAM PENGURANGAN JENAYAH DI KOTA BELUD, SABAH

CRIMINAL ISSUES: A REVIEW OF THE APPROACH POLICE OFFICER TO REDUCING CRIME IN KOTA BELUD, SABAH

Dr. Nor-Ina Kanyo ¹

Norhuda Salleh ²

Rahim Ahmad ³

Madzriani Binti Mohd Jony ⁴

Nurul Aziati Azizuzita Binti M. Azis ⁵

Nurul Syahfiqqah Azzilah Binti Mapiasah ⁶

¹ Institut Kajian Orang Asal Borneo, (BorIIS) Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Email: norina@ums.edu.my

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,

Article history

Received date : 13-11-2024

Revised date : 14-11-2024

Accepted date : 15-12-2024

Published date : 19-12-2024

To cite this document:

Kanyo, N. I., Salleh, N., Ahmad, R., Mohd Jony, M., M. Azis, N. A. A., & Mapiasah, N. S. A. (2024). Isu jenayah: Tinjauan dari pendekatan pihak polis dalam pengurangan jenayah di Kota Belud, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 112-122.

Abstrak: Secara umumnya, jenayah dapat ditakrifkan sebagai kesalahan yang dilakukan oleh individu dengan mempunyai niat untuk melakukan kesalahan itu, kemudiannya individu ini boleh dikenakan hukuman dengan setimpal atas sebab-sebab melakukan kesalahan di sisi undang-undang. Jenayah yang dilakukan oleh individu ini tidak hanya terhadap kepada jenayah kecil-kecilan, tetapi jenayah yang dilakukan semakin serius, agresif dan ekstrem. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti latar belakang atau senario kes jenayah di Kota Belud, Sabah serta menganalisis statistik data jenayah mengikut catatan balai polis Kota Belud dari tahun 2021 hingga 2022. Wujudnya masalah jenayah ini, kajian juga menjelaskan pendekatan yang diambil oleh pihak polis dalam menangani masalah jenayah yang ada di Kota Belud, Sabah. Dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual secara bersemuka, kajian ini dijalankan di balai polis bersama Asisten Superintendent Polis Kota Belud, Sabah. Hasil dapatan kajian menunjukkan penurunan jumlah indeks jenayah dari tahun 2021 hingga 2022. Selain itu, kajian ini menunjukkan pendekatan pihak polis dalam mengurangkan masalah jenayah telah berjaya di Kota Belud, Sabah secara keseluruhannya. Dapat disimpulkan bahawa kepelbagaian pendekatan dalam usaha mengurangkan masalah perlakuan jenayah di Kota Belud telah menjadikan daerah yang mencatatkan jenayah yang paling rendah di antara semua daerah di Sabah. Diharapkan bahawa hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan untuk pihak berkuasa dalam menyelesaikan jenayah-jenayah yang ada.

Kata kunci: Jenayah, indeks, pendekatan, Kota Belud, Sabah

Abstract *In general, a crime can be defined as an offense committed by an individual with the intention of committing the offence, then this individual can be punished accordingly for the reasons for committing the offense in the eyes of the law. The crimes committed by these individuals are not only limited to petty crimes, but the crimes committed are increasingly serious, aggressive and extreme. This article aims to identify the background or scenario of crime cases in Kota Belud, Sabah as well as analyze the statistics of crime data according to the records of the Kota Belud police station from 2021 to 2022. The existence of this crime problem, the study also explains the approach taken by the police in dealing with the problem crimes in Kota Belud, Sabah. By using a qualitative method through face-to-face interviews, this study was conducted at the police station with the Assistant Police Superintendent of Kota Belud, Sabah. The results of the study show a decrease in the total crime index from 2021 to 2022. In addition, this study shows that the police's approach in reducing the crime problem has been successful in Kota Belud, Sabah as a whole. It can be concluded that the diversity of approaches in efforts to reduce the problem of criminal behavior in Kota Belud has made the district with the lowest crime rate among all the districts in Sabah. It is hoped that the results of this study can be used as a reference material for the authorities in solving existing crimes.*

Keywords: *Crime, Kota Belud, Sabah, indeks, approach*

Pendahuluan

Secara umumnya, jenayah merupakan suatu tingkah laku yang menyalahi undang-undang yang terdapat di sesebuah kawasan atau negara. Konsep jenayah adalah berlainan mengikut masyarakat berdasarkan kepada perbezaan dari segi agama, adat resam, ideologi dan budaya masing-masing (Mohd Jamil patah, 2014). Jenayah juga boleh didefinisikan sebagai tindakan atau perlakuan yang menyalahi undang-undang jenayah mahupun akta-akta lain. Jika dilihat dari segi sosial, jenayah boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku yang bertentangan dengan nilai dan moral dalam norma masyarakat. Terdapat pelbagai tingkah laku jahat manusia dikelaskan sebagai kegiatan jenayah dan pada masa yang sama dari perspektif yang berbeza ianya adalah tingkah laku tidak bermoral. Rentetan daripada itu, undang-undang jenayah menitikberatkan aspek luaran manakala moral lebih menitikberatkan aspek dalaman (Mohd Reduan Aslie, 1990).

Isu jenayah adalah satu masalah sosial yang menunjukkan peningkatan terutama di kawasan pambandan di dunia termasuk negara Malaysia. Peningkatan jenayah ini sangat membimbangkan dan telah mendapat perhatian semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat. Tambahan pula, peningkatan perlakuan jenayah adalah bukan dari ketidak berkesanan langkah yang dijalankan sahaja, akan tetapi dari pelbagai faktor yang mempengaruhinya dengan meliputi faktor ruangan dan bukan ruangan serta kecanggihan teknologi yang menyebabkan permasalahan jenayah ini semakin kompleks dan semakin sukar untuk dibendung. Kota Belud tidak lari dari masalah jenayah walaupun daerah ini adalah mencatatkan kes jenayah yang paling rendah daripada semua 20 daerah di Sabah bagi tahun 2022 (PDRM Daerah Kota Belud, 2022). Justeru itu, kertas kerja ini mengetengahkan dan meneliti beberapa kes jenayah serta pendekatan yang dilakukan oleh pihak polis di Kota Belud, Sabah bagi membendung masalah jenayah.

Kajian Lepas

Bagi memudahkan perbincangan jenayah daerah Kota Belud, terlebih dahulu dijelaskan aspek latar geografi daerah. Kota Belud merupakan sebuah daerah di utara Bahagian Pantai Barat,

timur laut negeri Sabah, Malaysia. Pusat pentadbiran daerah ini terletak di Pekan Kota Belud. Daerah Kota Belud juga terkenal dengan nama jolokan "Daerah Koboï Timur" kerana kehebatan penduduknya menunggang kuda, kerbau dan lembu. Dari aspek geografi, Daerah Kota Belud terletak di utara negeri Sabah dan berkeluasan 1,391 kilometer persegi. Daerah ini bersempadan dengan Daerah Tuaran di barat, Daerah Ranau di tenggara, Daerah Kota Marudu di timur dan Laut China Selatan di utara. Bentuk muka bumi daerah Kota Belud kebanyakannya merupakan dataran tinggi dan berbukit di bahagian selatan manakala di kawasan selatan dan pesisir pantai, bentuk muka buminya merupakan dataran rendah dan rata. Daerah Kota Belud mula dibentuk pada tahun 1951 apabila Majlis Daerah Kota Belud mula ditubuhkan. Majlis Daerah Kota Belud juga merupakan antara kerajaan tempatan terawal di negeri Sabah. Daerah Kota Belud ditadbir oleh Majlis Daerah Kota Belud dan berpusat di Pekan Kota Belud. Daerah ini juga terbahagi kepada 20 buah mukim dan 159 buah kampung (Majlis Daerah Kota Belud, 2024). Berdasarkan bancian Malaysia 2020, jumlah penduduk di daerah Kota Belud ialah seramai 107,243 orang dengan kepadatan penduduk 77 orang perkilometer persegi yang dikategorikan sebagai taburan penduduk sederhana. Majoriti penduduk di daerah Kota Belud merupakan Bumiputera termasuklah etnik Iranun, Bajau, Kadazandusun, Murut dan Melayu. Agama Islam merupakan agama paling ramai dianuti penduduk Kota Belud dengan peratusan lebih 65 peratus, diikuti agama Kristian sebanyak 34 peratus. Agama Buddha, Hindu dan lain-lain serta tidak beragama mencatatkan kurang daripada satu peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020; Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020). Bagi pengawasan keselamatan dan jenayah di Daerah Kota Belud, PDRM menempatkan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Pekan Kota Belud. Daerah Kota Belud mempunyai beberapa pondok polis bagi mempertingkatkan keselamatan dan mengurangkan jenayah. Anaranya ialah Balai Polis kelawat di Kg kelawat, Pondok Polis Kuala Abai di Kg Kuala Abai dan Pondok Polis Rosok di Kg Rosok (PDRM, Portal Rasmi PDRM, 2024).

Berdasarkan kajian lepas oleh Wan Nurul Wahidah Wan Lanang dan Muhamad Sayuti Hassan iaitu Program Pencegahan Jenayah di Negeri Perak melalui Peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Masyarakat pada tahun 2021, penulis tersebut menyatakan bahawa di bawah Indeks Kualiti Hidup Malaysia, keselamatan awam adalah salah satu aspek yang berhubung kait dalam membanteras jenayah. Hal ini demikian kerana, kadar jenayah mempengaruhi keharmonian hidup masyarakat. Lantaran itu, kerajaan telah membuat rangka dan pelbagai inisiatif untuk menangani jenayah. Sebagai misalan, salah satu usaha pihak PDRM adalah menganjurkan aktiviti agar isu jenayah dalam kalangan masyarakat mampu ditangani dengan baik. Tambahan pula, pihak PDRM membahagikan kepada dua kawasan hotspot dan whitespot dengan mengikut kadar kes jenayah yang berlaku di kawasan tertentu seperti di perumahan, kampung, taman-taman dan sebagainya. Kawasan hotspot merupakan kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi manakala kawasan whitespot adalah mempunyai kadar jenayah yang kurang. Oleh itu, dengan adanya penetapan kawasan hotspot dan whitespot ini memudahkan pencegahan jenayah berjalan dengan baik.

Selain itu, menurut kajian oleh Zakaria Bin Haron pada tahun 2006, penulis berpandangan bahawa pengubahsuaian falsafah Polis dalam usaha untuk menyelesaikan isu jenayah adalah seiring dengan perubahan yang meliputi persekitaran, jumlah penduduk, corak pendidikan, kemajuan ICT dan kewujudan jenayah yang lebih mencabar dan bersifat global. Dalam pada itu, penglibatan masyarakat secara bersama dengan pihak polis dalam usaha menjejak dan mengatasi isu berkaitan jenayah dan gejala sosial dengan efektif dalam kawasan setempat diperlukan selari dengan konsep pencegahan jenayah yang lebih dinamik. Sementelahan itu,

segala cabaran dapat ditangani sekiranya pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) acap kali melaksanakan reformasi berterusan tidak kiralah dari segi memperbaiki pentadbiran dan pengurusan mahupun kualiti perkhidmatan agar pihak polis lebih cekap terhadap tuntutan undang-undang dan hak asasi manusia.

Sementelahan itu, Lyidia Mastura Binti Alias dalam kajiannya pada tahun 2014 pula menyatakan bahawa peranan dan pendekatan pihak PDRM sebagai penguatkuasa utama undang-undang negara kian bertambah. Hal ini demikian kerana dengan adanya kemajuan teknologi maklumat dan ekonomi negara yang makmur masa kini mendorong kepada tercetusnya situasi tidak menentu. Aliran jenayah kini telah membuktikan tentang kewujudan golongan pelaku jenayah profesional, berpendidikan dan berkedudukan tinggi serta status sosial yang cemerlang. Oleh itu, peranan dan pendekatan pegawai dan anggota PDRM harus berada pada tahap yang paling efisien dari segi pengetahuan, kemahiran serta tingkah laku proaktif bagi memastikan matlamat yang telah digariskan oleh pengurusan PDRM boleh dikecapi khususnya pada era transformasi pengurusan negara yang menekankan Indeks Prestasi Utama (KPI) di bawah enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), termasuk bidang usaha bagi menurunkan kadar jenayah.

Dalam artikel Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkahlaku Jenayah yang ditulis oleh Mohd Bin Jasni pada tahun 2021 menerangkan berkaitan teori-teori sains sosial yang berkait dengan perlakuan jenayah. Salah satu kerangka teorikal yang menyokong dalam penyelidikan saintifik dalam menjelaskan tingkah laku jenayah yang berlaku adalah Teori Pilihan Rasional. Teori Pilihan Rasional merupakan tindakan penjenayah yang memilih melakukan kejahatan dengan berfikir secara rasional. Di mana individu berfikir rasional dalam menimbangkan keuntungan yang diperolehi daripada melakukan jenayah. Erti kata lain, individu memilih melakukan jenayah dengan teratur dan terancang mengikut kemampuan masing-masing untuk mencapai keuntungan diri. Sebelum melakukan jenayah, individu sudah bersedia membuat pertimbangan sekiranya mereka tertangkap, jangkaan hukuman yang dikenakan serta nilai keuntungan dan kerugian yang diperolehi jika melakukan jenayah di kawasan tertentu. Oleh itu, Teori Pilihan Rasional menegaskan bahawa individu yang melakukan jenayah akan menilai terlebih dahulu keuntungan yang diperolehi dan sekiranya ia menguntungkan, penjenayah akan mengulangi perbuatan ini.

Artikel bertajuk Teori-Teori Jenayah Muhamat Hamzah Bin Eksan pada tahun 2014 telah menyatakan bahawa Teori Pilihan Rasional yang diperkenalkan oleh Cesare Beccaria adalah manusia secara semula jadinya mempunyai sifat egoistic dan mementingkan diri sendiri dan cara untuk menakutkan individu adalah dengan hukuman yang membolehkan individu patuh kepada undang-undang serta dapat menghalang individu melakukan jenayah. Hukuman yang dijatuhkan mestilah setimpal dengan jenayah yang dilakukan seperti jenayah membunuh, merompak dan merogol hendaklah dikenakan hukuman mati agar individu ini berfikir dua kali untuk melakukan jenayah. Artikel ini juga menerangkan bahawa, melanggar undang-undang sekiranya pelaku jenayah sudah membuat keputusan untuk mengambil risiko setelah mengambil kira faktor peribadi seperti memerlukan wang, dendam, kepuasan ataupun ancaman dan faktor situasi seperti sejauh manakah sasaran jenayah dilakukan itu dilindungi dan keberkesanan kawalsan dari pihak berkuasa. Oleh itu, Teori Rasional Pilihan ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan individu itu mengambil keputusan untuk melakukan jenayah. Pelbagai faktor yang diambil kira oleh individu sebelum melakukan aktiviti jenayah sama ada memberi keseronokan, nikmat serta kepuasan diri kepada mereka dan seterusnya

mengeneppikan risiko hukuman yang diterima jika perbuatan individu dikesan oleh pihak berkuasa.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual pegawai polis untuk mendapatkan maklumat data yang berkaitan dengan kajian. Selain itu, meneliti sorotan literatur di dalam dan di luar negara sebagai analisis pendekatan pihak polis. Penekanan penulisan adalah membincangkan konsep jenayah secara umum berdasarkan kajian-kajian terdahulu dimana membincangkan tentang teori jenayah (Teori Pilihan Rasional), senario perlakuan jenayah dan juga pendekatan pegawai polis dalam mengurangkan perlakuan jenayah di Kota Belud, Sabah. Antara sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada jurnal tempatan dan luar negara, buku, akhbar dan laporan.

Dapatan Kajian

Senario Pelakuan Jenayah di Kota Belud, Sabah

Jadual 1: Statistik Trend Jenayah Indeks dan Non-Indeks di Kota Belud, Sabah bagi tempoh 2021 hingga 2022

Dun	Indeks	Non- Indeks	Jumlah
N8- Pintasan 37 Buah Kampung	6	9	15
N9- Tempasuk 43 Buah Kampung	2	16	18
N10- Usukan 31 Buah Kampung	23	74	97
N11 - Kedamaian 74 Buah Kampung	7	14	21
Jumlah	38	133	151

Sumber: PDRM Daerah Kota Belud, Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 1 yang menunjukkan trend jenayah indeks bagi N8 Pintasan yang mempunyai 37 buah kampung mencatatkan jumlah sebanyak 6, manakala non-indeks adalah sebanyak 9 dan secara keseluruhannya mencatatkan sebanyak 15 kes jenayah pada tahun 2021 sehingga 2022. Bagi N9 Tempasuk yang mempunyai 43 buah kampung mencatatkan jenayah indeks sebanyak 2 kes manakala non indeks adalah 16 kes dan secara keseluruhannya mencatatkan sebanyak 18 kes. N10 Usukan yang mempunyai 31 buah kampung mencatatkan jumlah indeks paling tinggi berbanding DUN lain iaitu sebanyak 23 kes manakala non-indeks adalah 74 kes, secara keseluruhannya mencatatkan kes paling tinggi iaitu 97 kes. Di N11 Kedamaian pula yang mempunyai 74 buah kampung yang mencatatkan jenayah indeks sebanyak 7 kes manakala non-indeks adalah 14 kes, dan secara keseluruhannya mencatatkan 21 kes pada tahun 2021 sehingga 2022. Maka dapat dilihat bahawa jenayah indeks dan non-indeks N10 Usukan adalah merupakan penyumbang utama kes jenayah berlaku di Kota Belud, Sabah bagi tempoh tersebut.

Jadual 2: Statistik Kes Jenayah Di Kota Belud, Sabah 2021-2022

Kes	2021	Selesai	%	2022	Selesai	%	(+ / -)	%
Jen. Kekerasan								
Bunuh	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
Rogol	5	5	100.0	6	6	100.0	1	20.000
Samun Berkawan Bersenjata Api	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
Samun Berkawan Tanpa Bersenjata Api	2	2	100.00	0	0	0.00	0	100.0
Samun Bersenjata Api	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
Samun Tanpa Senjata Api	0	0	0.00	1	1	100.00	1	0.00
Mencederakan	1	1	100.0	1	1	100.0	0	0.00
Jumlah	8	8	100.0	8	8	100.0	0	0.00
Harta Benda								
Curi	50	50	100.0	12	12	100.0	38	76.00
Curi Motokar	1	1	100.00	0	0	0.00	1	100.0
Curi Motosikal	7	7	100.00	5	4	80.0	2	28.57
Curi Van/Lori/Jentera Berat	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
Curi Ragut	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
Pecah Rumah Masuk	28	28	100.00	13	12	92.30	15	53.57
Jumlah	86	86	100.0	30	29	100.0	56	65.11
Jumlah Indeks	94	94	100.0	38	37	100.0	56	59.57

Sumber: PDRM Daerah Kota Belud, Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 2, statistik menunjukkan jenayah keseluruhan di Kota Belud dari tahun 2021 sehingga 2022 dan dapat dilihat jenis-jenis jenayah yang diklasifikasikan sebagai jenayah harta benda dan jenayah kekerasan. Statistik turut memperlihatkan jenayah kekerasan terdiri daripada jenayah bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api dan mencederakan. Manakala bagi jenayah harta benda terdiri daripada jenayah curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera, curi ragut dan pecah rumah. Berdasarkan Jadual 2 tersebut, jenayah kekerasan yang mencatatkan jumlah indeks pada tahun 2021 dan 2022 adalah sebanyak 8 kes. Jenayah bunuh dan samun bersenjata api mencatatkan jumlah indeks sifar, jenayah

mencederakan dan samun berkawan tanpa bersenjata api mencatatkan sebanyak 2 kes, jenayah samun tanpa bersenjata api mencatatkan jumlah indeks 1 kes dan jenayah rogol mencatatkan jumlah sebanyak 11 kes bagi tempoh 2021 hingga 2022. Bagi jenayah harta benda pula mencatatkan jumlah indeks pada tahun 2021 yang mencatatkan sebanyak 86 kes pada tahun 2021 manakala 30 kes pada tahun 2022. Jenayah curi yang mencatatkan jumlah sebanyak 62 kes, jenayah curi motokar yang mencatatkan jumlah sebanyak 1 kes, jenayah curi van/van/lori/jentera dan curi ragut mencatatkan jumlah kes sifar, jenayah curi motosikal yang mencatatkan sebanyak 12 kes dan jenayah pecah rumah yang mencatatkan sebanyak 41 kes bagi tempoh 2021 hingga 2022.

Berdasarkan statistik berkenaan dapat disimpulkan bahawa jelas menunjukkan jenayah curi merupakan salah satu jenayah harta benda yang jadi penyumbang kepada kadar jenayah indeks di Kota Belud, Sabah. Jenayah curi ini berpunca daripada kurang didikan agama, pengaruh persekitaran, keluarga yang bermasalah, pengangguran, pengaruh rakan dan juga sekadar untuk hiburan dan kepuasan diri (Haqqi et al., 2022). Kebanyakan jenayah curi ini disebabkan oleh terdesak dan masalah ekonomi sehingga mereka memilih untuk mencuri yang menjadi jalan paling mudah dan cepat untuk mendapatkan wang bagi membiayai kehidupan seharian. Walaupun, indeks jenayah curi mengalami penurunan disebabkan Pandemik Covid-19, kehidupan rakyat semakin terdesak akibat kehilangan dan pengurangan pendapatan (Sinar Harian, 2021). Kejadian yang berlaku ini telah memaksa rakyat untuk mencuri berbentuk material yang bernilai dan akan dijual bagi mendapatkan wang tunai. Desakan hidup ini telah mendorong pelaku untuk melakukan jenayah curi berkali-kali.

Jenayah kedua yang menyumbang kepada kadar jenayah indeks di Kota Belud, Sabah adalah jenayah pecah rumah masuk. Pecah rumah masuk ini mewujudkan perasaan takut di kalangan masyarakat sehingga mampu menjejaskan kualiti hidup penduduk setempat di suatu kawasan yang berlaku jenayah pecah rumah masuk. Permasalahan jenayah pecah rumah yang berlaku disebabkan oleh kekurangan ciri-ciri keselamatan rumah seperti pagar sekeliling rumah dan memasang gril pada pintu dan tingkap. Tambahan pula, dengan sikap kecuai penghuni terhadap aspek keselamatan dengan tidak tutup atau kunci pintu rumah terutama ketika meninggalkan rumah dapat memberi peluang kepada pelaku untuk melakukan jenayah (Marzilla et al., 2019).

Jenayah ketiga dalam jenayah harta benda yang menyumbang kepada peningkatan kadar indeks adalah curi motokar. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya kecurian motokar ialah sikap pemilik motosikal itu sendiri yang lupa menanggalkan kunci pada pencucuh dan membiarkan pintu kereta mereka tidak berkunci (Utusan Borneo, 2015). Bukan itu sahaja, pemilik motosikal juga sering meletakkan motosikal mereka di tempat yang terpencil atau kawasan gelap pada waktu malam sehingga menyebabkan berlakunya kecurian motokar. Kes kecurian motokar ini selalunya bersifat jenayah terancang yang membabitkan pelbagai peringkat dan pihak. Kereta yang dicuri biasanya akan dijual ataupun bahagian-bahagian kereta akan dipisahkan untuk dijadikan alat ganti terpakai. Hal ini kerana semakin banyak kereta yang meningkat usia, maka pasaran alat ganti terpakai akan turut meningkat. Bekalan alat ganti terpakai mungkin datang dari kereta-kereta curi dan bahagian dalaman kereta yang telah dipisahkan satu per satu agar boleh dijadikan alat ganti.

Bagi jenayah kekerasan pula menunjukkan jenayah rogol merupakan kadar jenayah indeks yang tinggi berbanding yang lain. Terdapat beberapa punca kejadian rogol iaitu kurangnya didikan agama, cara berpakaian perempuan, pergaulan bebas, penyalahgunaan alkohol dan dadah (Jawan et al., 2021). Selain itu, dengan adanya kemajuan teknologi khususnya melalui media

elektronik mahupun sosial yang tidak terkawal akan menyebabkan bahan lucu mudah merebak di kalangan lelaki (Jamaludin, 2015; Mohd, 2019). Hal ini menyebabkan, pemikiran negatif membentuk ke arah yang melakukan jenayah seks iaitu rogol. Dalam kegairahan terhadap video lucu, pemikiran negatif akan terbentuk menuju ke arah melakukan jenayah seks iaitu rogol (Utusan Malaysia 2020).

Oleh yang demikian, jenayah ini berlaku disebabkan oleh kurangnya didikan agama ataupun pengaruh persekitaran yang menyebabkan individu melakukan jenayah. Hal ini menyebabkan, akan memberi kesan kepada kehidupan masyarakat terutama kepada mangsa jenayah di sesebuah kawasan. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mendedahkan bahawa jumlah jenayah yang dilaporkan melibatkan jenayah harta benda adalah lebih tinggi berbanding dengan jenayah kekerasan di Kota Belud, Sabah (Tajuddin, 2022). Maka artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang jenis-jenis jenayah yang perlu dilihat agar dapat dijadikan garis panduan dalam mengurangkan jenayah serta membuka mata pelbagai pihak berkuasa dan masyarakat berkaitan dengan masalah jenayah yang berlaku di Kota Belud, Sabah.

Dasar dan pendekatan pegawai polis mengurangkan perlakuan jenayah di Kota Belud, Sabah.

Penelitian dan perbincangan ke atas senario masalah jenayah di Kota Belud, Sabah dari segi jumlah indeks telah membimbangkan masyarakat yang seterusnya menjejaskan kualiti hidup penduduk. Segelintir masyarakat telah menuding jari kepada pihak berkuasa polis disebabkan kegagalan dan ketidak berkesan dalam mencegah jenayah. Dengan adanya trend perlakuan jenayah yang wujud, pihak polis Kota Belud, Sabah komited dalam usaha dan pendekatan untuk mengurangkan masalah jenayah. Salah satu pendekatan yang diambil adalah:

1. Stesen Minyak sebagai GTSP

Go-To-Safety-Point (GTSP) yang dilancarkan pada 18 Mac 2013 merupakan salah satu inisiatif di bawah NBOS untuk menjaga kesejahteraan masyarakat (HMetro, 2017). Tujuan utama GTSP ini adalah mewujudkan satu tempat selamat di mana orang awam mudah untuk mendapatkan bantuan sewaktu dalam keadaan kecemasan. Sebagai contoh, Asisten Superintendent Polis Kota Belud ada menyatakan tentang GTSP dalam mencegah jenayah.

“Kita ada pencegahan jenayah bagi setiap stesen minyak dimana stesen minyak dijadikan GTSP (Go-To-Safety-Point). Maksudnya, sekiranya berlaku apa-apa, mangsa tidak perlu ke balai untuk menyelamatkan diri. Tetapi pergi ke stesen minyak dan pekerja stesen minyak akan tahu apa tindakan yang diambil.”

Bagi GTSP, kriteria yang perlu ada pada pihak pengusaha stesen minyak adalah beroperasi 24 jam, mempunyai banyak cawangan, tidak terpencil dan menjadi tumpuan awam, mempunyai kamera litar tertutup dan lain-lain ciri keselamatan premis (HMetro, 2017). GTSP Shell di Kota Belud, Sabah merupakan kerjasama pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan mangsa seperti berupaya untuk menenangkan mangsa, menyediakan tempat mangsa berehat, menjaga keselesaan mangsa, dan melaporkan kejadian kepada polis serta menemani mangsa sehingga polis tiba.

2. Rondaan

Rondaan dari pihak polis merupakan salah satu inisiatif yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kes jenayah di sesuatu kawasan (Utusan Borneo, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, rondaan dilakukan bertujuan untuk memastikan tiada sebarang jenayah

berlaku di kawasan tersebut. Tambahan lagi, semasa rondaan tersebut juga, pihak polis secara tidak langsung boleh memberikan nasihat kepada orang awam agar sentiasa menjaga keselamatan diri dan perlu peka dengan keadaan sekeliling. Pihak polis daerah Kota Belud juga melakukan rondaan bagi mengurangkan kadar jenayah di daerah tersebut.

“Setiap malam polis akan melakukan rondaan sama ada menggunakan kereta ataupun motosikal sebab itu salah satu elemen pencegahan jenayah. Kalau di sini, rondaan dilakukan dengan menggunakan kenderaan polis di kawasan yang sering menjadi tumpuan jenayah malah kawasan yang kurang berlakunya kes jenayah juga turut diperhatikan. Yang penting ada maklumat yang orang awam berikan jadi dia dapat membantu polis untuk memastikan keselamatan di kawasan mereka terjamin. Jadi apabila ternampak polis, penjenayah pun akan lari sebab takut”.

Dengan adanya aktiviti rondaan sudah tentu ia akan menghalang penjenayah daripada meneruskan niat untuk melakukan kegiatan jenayah. Mereka pasti berfikir panjang untuk melakukan jenayah kerana kuarir akan ditangkap sekiranya terserempak dengan pihak polis yang melakukan rondaan di kawasan tersebut. Namun, pihak polis tidak dapat menjaga semua kawasan pada masa yang sama. Oleh itu, orang awam perlu membantu mereka dengan melakukan laporan dengar segera sekiranya melihat sesuatu yang mencurigakan.

3. Sekatan Jalan Raya

Sekatan jalan raya (SJR) ialah sebuah operasi bagi menyekat jalan raya secara sementara bagi mengawal lalu lintas di jalan raya. Tujuan sekatan dilakukan adalah untuk melakukan pemeriksaan ke atas pemandu, penumpang atau kenderaan untuk mengesan penjenayah dan juga untuk mengawal lalu lintas. Sekatan jalan raya juga biasanya dilakukan untuk memburu dan menghalang penjenayah daripada keluar dan masuk sesuatu kawasan sesuka hati mereka. Kebiasaannya sekatan jalan raya akan dilakukan oleh pihak polis ataupun pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan untuk tujuan pemeriksaan keselamatan. Di Kota Belud, sekatan jalan raya dilakukan dengan menghalang kenderaan keluar dan masuk daerah Kota Belud kerana kuarir akan menyumbang kepada kes-kes jenayah.

“Semasa Covid 19, statistik jenayah di Kota Belud adalah menurun kerana seluruh Malaysia pada ketika itu ada PKP dan PKBD. Penjenayah pun takut kena Covid. Jadi sepanjang pandemik berlaku, jenayah di sini memang menunjukkan perkembangan positif sebab kita buat kawalan di kampung-kampung yang penduduknya dijangkiti covid dan sekatan jalan raya pun polis buat untuk halang pergerakan keluar keluar atau masuk Kota Belud”.

Bukan itu sahaja, sekatan jalan raya yang dilaksanakan juga adalah untuk mencegah gejala jenayah jalanan, pemandu mabuk dan lumba haram. Manakala pasukan serbuan pula dikehendaki membuat pemeriksaan di pusat-pusat hiburan bagi mengesan aktiviti penyalahgunaan dadah, pelacuran dan ‘wanted person’.

4. Operasi Bersepadu

Operasi bersepadu dijalankan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak yang bertujuan untuk membanteras jenayah serta kesalahan-kesalahan lain. Biasanya operasi bersepadu akan dirancang dengan teliti kerana ia melibatkan operasi yang besar-besaran. Pihak polis yang terlibat perlulah bersiap siaga menghadapi apa jua kemungkinan dalam membanteras jenayah yang semakin berleluasa. Dengan adanya operasi bersepadu ini, sudah tentu kadar jenayah di

sesuatu kawasan itu semakin berkurang. Begitu juga di daerah Kota Belud di mana kadar jenayah mereka dilihat menunjukkan penurunan yang positif dari semasa ke semasa.

“Setakat ini, penjagaan di daerah Kota Belud dilihat berkesan menurunkan kadar jenayah berbanding dengan daerah-daerah lain kerana adanya operasi-operasi bersepadu yang dijalankan oleh pihak polis di bawah pelbagai cawangan. Contohnya ada cawangan khas, cawangan jabatan pencegahan jenayah, cawangan pengurusan dan sebagainya yang bergabung dan bekerjasama melakukan operasi bersepadu ini”.

Kerjasama dari pelbagai agensi sememangnya memainkan peranan penting dalam membanteras jenayah. Setiap anggota polis perlulah telus dan bertanggungjawab dalam menjalankan misi mereka agar keselamatan masyarakat di Kota Belud dan di kawasan lain sentiasa terpelihara sekaligus dapat menjadikan negara kita sebuah negara yang hidup dalam keadaan aman dan makmur.

5. Penambahan Pegawai Polis

Penambahan anggota polis merupakan salah satu langkah yang tepat yang boleh diambil untuk mengurangkan kadar jenayah (Berita Harian, 2014). Hal ini boleh dilakukan dengan menawarkan pekerjaan kepada anggota polis yang berkelayakan agar dapat melebarkan lagi bantuan mereka kepada masyarakat. Namun begitu, penambahan pegawai polis perlulah seimbang mengikut jarak dan kepesatan penduduk di sesebuah kawasan. Hal ini kerana sekiranya suatu kawasan itu hanya mempunyai 10 000 orang, maka anggota polis yang perlu ditambah perlulah lebih daripada jumlah penduduk tersebut agar langkah kawalan jenayah menerusi rondaan dan langkah-langkah pencegahan jenayah lain akan menjadi lebih intensif.

“Pegawai dan anggota polis di Kota Belud adalah seramai 101 orang. Manakala penduduk Kota Belud pula seramai 102,000 orang. Perbezaan yang ketara pada jumlah anggota polis dan penduduk Kota Belud dilihat tidak seimbang. Kira-kira satu anggota polis terpaksa menjaga 700 orang. Apa yang penting pada ketika ini adalah kita perlu tambah sumber manusia agar kita dapat mengimbangi penduduk sekaligus dapat mengawal jenayah-jenayah yang mungkin berlaku di Kota Belud”.

Tambahan lagi, persepsi masyarakat tentang skop pekerjaan pihak polis juga perlu diubah kerana kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa kerjaya polis hanya terbatas dalam membuat tangkapan, walhal ianya hanyalah salah satu daripada tugas mereka. Oleh itu, dengan adanya penambahan anggota polis, agihan tugas dapat dilakukan bagi membolehkan tugas-tugas terfokus mengikut bidang masing-masing.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dan tinjauan ke atas senario jenayah yang berlaku di Kota Belud telah mewujudkan pelbagai pendekatan pihak polis dalam mengurangkan masalah perlakuan jenayah di Kota Belud, Sabah, jelas ditunjukkan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) komited dalam mengurangkan jenayah. PDRM mempunyai matlamat yang membawa negara ke arah negara aman dan selamat di mana rakyat hidup dalam keadaan baik tanpa merasa takut. Pendekatan yang digunakan oleh PDRM dapat dianggap sebagai batu asas dalam dasar pengurangan jenayah di Kota Belud, Sabah. Komitmen PDRM dalam mengurangkan masalah jenayah merupakan satu bukti dan petunjuk kepada keberkesanan pendekatan yang dilakukan. Oleh itu, kejayaan dalam mengurangkan jenayah ini dapat menjamin keselamatan rakyat dan negara yang terus berkekalan.

Rujukan

- Abd Malek, N. F., Pauzi, H. M., & Awang, N. (2021). Faktor Risiko Jenayah Pecah Rumah dan Impak Kepada Kesejahteraan Hidup Masyarakat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 185-195.
- BERNAMA. (2014, Oktober 11). Penambahan anggota polis langkah tepat kurangkan kadar jenayah. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/10/10994/penambahan-anggota-polis-langkah-tepat-kurangkan-kadar-jenayah>
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2020).
- Mohd Ali Bin Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar, & Norruziati Che Mohd Nasir.,(2021). Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-Teori Utama Tingkah Laku Jenayah. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 44-66.
- Haqqi, A. R. A., Masum, A., Kurniawan, C. S., Mohiddin, M. N., Aziz, H. A., Sudin, S., & Rajid, Z. Z. (2022, September). Peningkatan Kes Curi di Brunei Darussalam: Punca dan Penyelesaiannya, Analisis Awal dari Perspektif Agensi Perundangan. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045* (Vol. 13, pp. 130-135).
- Jawan, J., & Jasmi, K. A (2021). JENAYAH ROGOL DAN LANGKAH MEMBENDUNGNYA. BIL 3 JILID, 179.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.
- Kanyo, N. I., Nor, N. H. M., Rainis, R., Rahman, A. T. A., & Jubit, N. (2015). Mengurus ruang jenayah: Suatu tinjauan dasar pengurangan jenayah di Malaysia (Managing the crime space: A review of Malaysian crime reduction policies). *Geografia*, 11(2).
- Kanyo, N. I., Nor, N. H. M., Rainis, R., Rahman, A. T. A., & Jubit, N. (2015). Jenayah dan agenda pembangunan di Malaysia: Satu tinjauan (Crime and Malaysia's development agenda: An overview). *Geografia*, 11(1).
- Lanang, W. N. W. W., & Hassan, M. S. Program Pencegahan Jenayah di Negeri Perak melalui Peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Masyarakat. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 85-101.
- Majlis Daerah Kota Belud (2024).
- Marzilla, M., CR, R. A., & Zaini, S. (2019). Dilema masalah jenayah pecah rumah impak pembangunan Lebuh raya Baru Pantai (NPE)(The dilemma of housebreaking crime impact from the development of the New Pantai Expressway (NPE)). *Geografia*, 15(4).
- Mohd Izzatul Izuan Tahir. (2021, Ogos 10). Rakyat semakin terdesak untuk hidup. Sinar Harian Selangor. <https://www.sinarharian.com.my/article/154745/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Rakyat-semakinterdesak-untuk-hidup>
- Mohd Shafik Ahmad. (2017, Julai 28). Rondaan mampu kurangkan aktiviti jenayah. <https://www.utusanborneo.com.my/2017/07/28/rondaan-mampu-kurangkan-aktiviti-jenayah>
- PDRM Daerah Kota Belud, Sabah (2022).
- PDRM (2024). Portal Rasmi PDRM.
- Tan Sri Khalid Abu Bakar. (2017, Ogos 20). GTSP terbukti berkesan. <https://www.hmetro.com.my/minda/dari-bukit-aman/2017/08/255548/gtsp-terbukti-berkesan>
- Zuliaty Zulkifli. (2019, Julai 22). Kes rogol meningkat. HMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/477980/kes-rogol-meningkat>

Temubual Wawancara

Wawancara bersama ASP Tajuddin Bin Padis, pada 14 Disember 2022, bertempat di Bahagian Siasatan Jenayah, Balai Polis Daerah Kota Belud, Sabah.